

09/09/2002

Dakwaan gadis Filipina dirogol mula disiasat

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Pasukan khas polis dari Bukit Aman yang ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan seorang gadis Filipina berusia 13 tahun dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah, memulakan siasatannya hari ini.

Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Musa Hassan, berkata pasukan itu yang tiba di Sabah, semalam, akan mengadakan perbincangan dan merangka strategi untuk menyiapkan siasatan seberapa segera yang boleh.

"Pasukan itu akan mengadakan lawatan ke pusat tahanan sementara dan mengambil keterangan beberapa saksi termasuk anggota keselamatan yang bertugas di pusat itu.

"Keterangan pendatang tanpa izin yang mempunyai maklumat mengenai insiden yang kononnya berlaku terhadap gadis bawah umur rakyat Filipina itu juga akan diambil untuk membantu siasatan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Musa ditugaskan mengawal selia siasatan pasukan itu, yang akan bekerjasama dengan satu lagi pasukan khas yang ditubuhkan polis Sabah untuk menyiasat kes rogol membabitkan kanak-kanak, Jawina Song.

Kes itu disiasat mengikut Sekyen 373 Kanun Keseksaan.

Pasukan lima pegawai yang ditubuhkan Bukit Aman itu diketuai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Khas JSJ Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir, manakala Deputy Superintendan Yahaya Ramli dari Bahagian Pendakwaan dan Undang-Undang JSJ Bukit Aman, dilantik sebagai pegawai penyiasat.

Ditanya sama ada polis sudah mengenal pasti individu yang didakwa merogol tahanan itu, Musa berkata, setakat ini, pengenalan diri individu terbabit belum dapat dipastikan.

"Siasatan daripada pelbagai sudut perlu dilakukan sebelum mengesahkan pembabitkan individu tertentu seperti yang didakwa berlaku terhadap rakyat Filipina itu," katanya.

Ditanya sama ada Bukit Aman menetapkan tempoh masa tertentu untuk pasukan itu menyelesaikan siasatan dan laporan kes berkenaan, beliau berkata; "Tidak, tetapi mengikut arahan yang diberi, siasatan perlu diselesaikan pada kadar segera".

Pasukan itu ditubuhkan selepas pihaknya menerima laporan delegasi Manila, yang diketuai Penasihat Presiden Filipina, Nur Jaafar, awal minggu lalu.

Delegasi itu melawat Sabah selama tiga hari bermula Isnin lalu, termasuk mengunjungi kem tahanan berikutan dakwaan kononnya pendatang tanpa izin Filipina diberi layanan buruk. Laporan siasatan delegasi itu dikemukakan kepada Bukit Aman, baru-baru ini.

Jumaat lalu, Bukit Aman turut mengadakan perbincangan dengan Konsul Jeneral Filipina di sini, Luis T Cruz dan menjadikan maklumat yang diterima daripada delegasi negara itu sebagai laporan rasmi.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan siasatan dijalankan terhadap dakwaan gadis Filipina itu, sehari selepas beliau menerima surat daripada Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, berhubung isu itu.

Sementara itu, laporan Reuters hari ini memetik pegawai kanan Filipina mendakwa Jawina sudah menghadapi penderaan seksual di Sabah sejak berusia 10 tahun.

Setiausaha Jabatan Kebajikan negara itu, Corazon Soliman, berkata ketika

ini remaja itu sedang menjalani rawatan psikologi.

Gadis bawah umur itu berasal dari keluarga miskin dan terpisah daripada ibu bapanya, sejak berusia 10 tahun.

Soliman berkata, polis di Kota Kinabalu, menahan Jawina tujuh bulan lalu dan menghantarnya pulang ke negara asal, baru-baru ini.